

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN NOORITA BINTI SUAL [TENOM]

TARIKH : 1 DISEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan langkah-langkah yang telah dirancang untuk memastikan bahawa negara akan mempunyai bekalan vaksin COVID-19 apabila dikeluarkan kelak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jaminan akses awal bekalan vaksin COVID-19 adalah penting untuk melindungi rakyat Malaysia dari COVID-19 dan selanjutnya membantu merancakkan ekonomi negara. Justeru, pendekatan *multi-pronged* termasuk penyertaan dalam *Coalition for Epidemic Preparedness Innovations* (CEPI), rundingan *bilateral* secara *Government-to-Government*) dan *multilateral* seperti COVAX Facility; bagi membuka ruang untuk negara mempelbagaikan pilihan serta mengurangkan atau menyebarkan risiko daripada memberikan tumpuan kepada suatu kaedah sahaja.

Jemaah Menteri telah bersetuju untuk Malaysia menyertai inisiatif Malaysia-CEPI *Joint Program for Capacity Building & Technology Transfer* dalam bidang R&D, ujian klinikal di Malaysia ke atas calon vaksin COVID-19 yang dibangunkan oleh CEPI dan pengujian calon vaksin tempatan ke atas COVID-19. Sehubungan itu, MOSTI telah menandatangani **Perjanjian Bilateral Investor dengan CEPI pada 30 November 2020** bagi membolehkan Malaysia mendapat akses kepada

pembangunan vaksin, pemindahan teknologi dan kepakaran baharu kepada penyelidik tempatan.

Selain daripada itu, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 14 Oktober 2020 telah bersetuju supaya Malaysia menyertai COVID-19 *Vaccine Global Access* (COVAX) yang diuruskan oleh *The Global Alliance for Vaccines and Immunizations* (GAVI) yang berpangkalan di Geneva, Switzerland. Malaysia melalui Kementerian Kesihatan telah menandatangani **Perjanjian Commitment Agreement (Optional Purchase Arrangement) COVAX Facility** pada **23 November 2020**. Antara kelebihan penyertaan dalam COVAX ialah Malaysia diberi peluang untuk bersama-sama negara lain dalam pembelian secara pukal, berhak melabur dalam calon vaksin COVID-19 yang sedang dikaji dan diberikan akses awal kepada vaksin bagi mengurangkan risiko jangkitan COVID-19. Pendekatan *multilateral* menerusi penyertaan dalam COVAX boleh disifatkan sebagai manifestasi Malaysia terhadap *global solidarity*. Walau bagaimanapun, pembekalan ini hanya melibatkan anggaran 10% populasi sahaja dan Malaysia masih boleh meneruskan perjanjian dengan negara-negara lain yang sedang menjalankan kajian calon vaksin COVID-19.

Selain itu, rundingan secara *bilateral* sedang giat dijalankan dengan pelbagai pihak bagi jaminan akses bekalan vaksin kerana Malaysia berhak untuk membuat pilihan pemerolehan vaksin yang lebih telus bagi mendapat nilai terbaik serta menjaga kepentingan negara secara menyeluruh. Sehubungan itu, **MOSTI telah menandatangani Perjanjian Kerjasama dengan Kementerian Sains dan Teknologi (MOST), Republik Rakyat China (RRC) pada 18 November 2020** bagi memudahkan perolehan vaksin dari syarikat-syarikat pengeluar vaksin dari negara China dengan menggunakan pendekatan *Government to Government* (G2G). Dalam hal ini, dengan pemeteraian perjanjian tersebut, ia dapat meningkatkan hubungan kolaborasi strategik Malaysia dengan RRC dalam bidang vaksin. Usaha sama ini juga dilihat sebagai salah satu langkah jangka masa panjang bagi pembangunan vaksin untuk manusia dijalankan dalam penghasilan pelbagai vaksin yang berkesan dan halal di Malaysia pada masa hadapan.

NO. SOALAN : 58

Selain meneruskan rundingan dan memeterai perjanjian usaha sama mendapatkan akses kepada vaksin COVID-19 dengan negara-negara tertentu secara kerajaan dengan kerajaan (G2G), pembekalan vaksin COVID-19 peringkat komersial (B2B) daripada syarikat-syarikat farmaseutikal dari negara tertentu perlu diambil kira bagi tujuan mendapatkan akses awal kepada vaksin berkenaan. Sehubungan itu, Malaysia melalui **Kementerian Kesihatan telah menandatangani perjanjian pembelian awal dengan syarikat farmaseutikal Pfizer pada 24 November 2020** lalu untuk mendapatkan bekalan vaksin COVID-19.

Kolaborasi sebegini adalah amat penting dalam menggerakkan hubungan diplomatik negara bagi memastikan Malaysia diberi keutamaan serta dilibat sama dalam proses penghasilan vaksin. Diplomasi sains melalui jaringan antarabangsa ini diharap dapat mengurangkan tempoh menunggu bagi Malaysia mendapatkan vaksin.

MOSTI juga telah menawarkan skim dana baharu iaitu MOSTI Combating COVID-19 Fund yang menggalakkan projek R&D dalam memerangi dan mengawal wabak COVID-19. MOSTI telah meluluskan satu projek menerusi tabung ini yang berjumlah RM2.1 juta ke Universiti Malaya bagi pembangunan vaksin COVID19.

Sehingga 12 November 2020, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) melaporkan sebanyak 212 vaksin sedang dibangunkan di peringkat global di mana 48 daripada jumlah tersebut telah mencapai fasa ujian klinikal. Sebanyak 11 daripada 48 calon vaksin ini telah pun berada di ujian klinikal fasa 3. Beberapa buah negara telah mengadakan rundingan dengan pengeluar-pengeluar vaksin bagi mendapatkan jaminan bekalan vaksin seawal mungkin menerusi perjanjian perolehan ke hadapan (*advance purchase agreement*). Setakat ini, KKM telah berhubung dengan sepuluh (10) calon vaksin yang kini berada di peringkat ujian klinikal fasa tiga. Malaysia dijangka memperolehi bekalan vaksin seawal suku pertama tahun 2020/21 bergantung kepada kelulusan oleh *National Pharmaceutical Regulatory Agency* (NPRA) di bawah Kementerian Kesihatan dengan sasaran kumpulan pertama penerima vaksin adalah petugas barisan hadapan sector kesihatan dan bukan kesihatan.

Sekian, terima kasih.